

PRODUK PERBENDAHARAAN

Risalah Penerangan Produk– Deposit Murabahah Komoditi-i

Tarikh :

Sila baca Risalah Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Deposit Murabahah Komoditi-i. Pastikan anda membaca terma dan syarat dalam surat tawaran dan/atau perjanjian pelaburan/pembiayaan. Dapatkan penjelasan daripada Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau syarat am.

1. Apakah itu Deposit Murabahah Komoditi-i?

- Deposit Murabahah Komoditi-i ialah pelaburan tempoh tetap patuh Syariah yang melibatkan pembelian dan penjualan komoditi yang diluluskan oleh Syariah.
- Perdagangan kontrak pertukaran antara pelabur (penjual) dengan Bank (pembeli), apabila perkara yang didagangkan ialah komoditi yang diluluskan. Pelaburan ini diinsuranskan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

2. Siapakah yang boleh melabur di dalam Deposit Murabahah Komoditi-i?

- Korporat, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Badan Kerajaan dan Berkanun serta Institusi Kewangan.

3. Bagaimanakah produk ini dikendalikan?

- Setelah menerima dana daripada pelanggan, Bank akan membuat pesanan dan pengesahan komoditi yang dibeli bagi pihak pelanggan. Sijil belian dan pemilikan perdagangan komoditi akan dikeluarkan untuk penerimaan pelanggan.
- Pelanggan perlu mengesahkan penerimaan dengan menandatangani Pengesahan Penerimaan dan Surat Aku Janji.
- Setelah matang, Bank akan mengkreditkan ke akaun pelanggan menurut Terma dan Syarat (T&C) yang dipersetujui.

4. Apakah konsep dan kontrak Syariah yang digunakan?

- Konsep Syariah yang digunakan ialah Murabahah.
- Murabahah ialah penjualan komoditi mengikut harga belian dengan margin keuntungan yang dipersetujui. Dengan kata lain, Murabahah ialah kontrak antara pembeli dengan penjual yang di dalamnya penjual menjual barangan tertentu yang dibenarkan Syariah kepada pembeli pada kos tambah keuntungan yang dipersetujui.

5. Apakah yang akan saya peroleh daripada produk ini?

- Pelanggan memperoleh keuntungan/dividen melalui pelaburan Murabahah Komoditi.
- Tempoh pelaburan bermula daripada 1 bulan ke atas.
- Pelaburan dalam produk ini adalah untuk tempoh tetap dan tidak boleh ditamatkan atau dijual sebelum matang.

6. Apakah dokumen asas yang diperlukan?

- Memorandum/Tataurusuan Persatuan.
- Sijil Penubuhan.
- Penandatanganan yang Diberi Kuasa.
- Borang 24, 45 & 48A.
- Resolusi Lembaga Pengarah.
- Penyata Kewangan.

7. Apakah yang akan berlaku jika saya membuat penyelesaian penuh sebelum tarikh matang?

- Pelanggan tidak digalakkan membuat apa-apa pengeluaran pramatang (sebahagian atau sepenuhnya) di bawah produk ini. Jika pelanggan memohon pembayaran sebelum tarikh matang, maka Bank berhak untuk membayar jumlah yang kurang kerana Pelanggan telah melanggar kontrak.

8. Apakah Cukai Barangan dan Perkhidmatan Kerajaan?

- Cukai Barang & Perkhidmatan (CBP) oleh Kerajaan adalah dikenakan ke atas semua Pembekalan yang dianggap Bercukai (jika ada) di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) 2014, lanjutan daripada penyediaan Produk & Perkhidmatan pihak Bank. CBP adalah eksklusif ke atas nilai Pembekalan yang dianggap boleh dikenakan cukai pada kadar yang ditetapkan.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat apa-apa perubahan dalam butiran alamat surat manyurat saya?

- Pelanggan perlu memaklumkan Bank secara rasmi tentang apa-apa perubahan dalam butiran pelanggan untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada pelanggan tepat pada masanya. Sila hubungi kami di talian 03-20791000 atau datang ke mana-mana cawangan kami untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

10. Di manakah boleh saya mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

<p>Jika pelanggan menghadapi kesulitan untuk membuat bayaran atau memerlukan maklumat tambahan tentang produk, manfaat dan keistimewaan, sila hubungi kami atau hantarkan e-mel kepada kami secepat mungkin di:</p>	<p>Hubungi/e-mel kami di: Asian Finance Bank Berhad Aras 2, Blok Podium, Kenanga International Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur Tel. : 03-20791000 Faks : 03-20791160 E-mel: feedback@asianfinancebank.com Laman web : www.asianfinancebank.com</p>	<p>Aduan boleh dihantar kepada: ecomplaint@asianfinancebank.com. Atau BNM Link / TELELINK Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur Tel. : 1-300-88-5465 Faks : 03-21741515 E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my</p>
---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Maklumat yang dinyatakan dalam risalah penerangan produk ini sah pada Mac 2015.